



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Perkhidmatan dan
Pembangunan OKU

FIRST EDITION | 1/2025

U-DServe

eNewsletter



“NAVIGATING INCLUSIVITY”

UiTM *di hatiku*

لومها. تقوى. موليا



U-DServe

FIRST EDITION | 1/2025

Published in 2025 by
UiTM Disability Services and Development Division (U-DServeD)
Chancellery Department
Kompleks Antarabangsa
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam
Selangor
Tel: +603-5543 5063/5065
Publish online twice a year

eISSN 3093-8295



9 773093 829001

Cataloguing-in-Publication Data
Perpustakaan Negara Malaysia
from the National Library of Malaysia

All rights reserved.

No parts of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise without prior permission of the publisher

Design and Layout by:
Muhammad Syawal Zahari

Director's MESSAGE



Roslinda Alias

Assalamualaikum and warm greetings,

It is with great pleasure that I present to you the first edition of the U-DServeD e-Newsletter, a platform dedicated to sharing our journey, celebrating our milestones, and strengthening our commitment towards inclusion and empowerment at Universiti Teknologi MARA (UiTM).

From our beginnings as the Disability Services Unit in 2019 to our rebranding as UiTM Disability Services and Development Division (U-DServeD) in 2024, we have remained steadfast in our mission: to ensure that every person with disability (PWD) is seen, heard, supported, and given every opportunity to thrive within the university community.

For this inaugural issue, we are truly honoured to feature a special interview with our Vice-Chancellor, YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc, a leader whose insights on empathy, inclusivity, and shared responsibility reflect the very essence of what we believe in. His words challenge us to look beyond limitations and inspire us to keep moving forward.

This first edition brings together stories, programmes, and initiatives that highlight not only the hard work of U-DServeD, but also the spirit of collaboration that exists within UiTM and with our partners. It is a reflection of what we can achieve when we come together with a shared vision and a sincere heart.

We hope this e-newsletter will inspire, inform, and ignite a stronger sense of purpose among all who read it. Because at the heart of inclusion is a simple yet powerful belief—that everyone matters.

Thank you for your continuous support. This is only the beginning.
Jom Cakna OKU!

Editorial BOARD



Roslinda Alias

Director




Nurulhuda Abd Rahman

Coordinator of
Research, Publication
and Innovation



**Saadiah@
Juliana
Saadun**

Coordinator of
PWD Training,
Development and
Entrepreneurship



**Jazira Anuar@
Mohd Noor**

Coordinator of PWD
Students and PWD
Alumni

U-DServeD Profile

Established on November 1, 2019, as the UiTM Disability Services Unit (Unit Perkhidmatan OKU UiTM), the division was rebranded as U-DServeD on August 1, 2024, to reflect a renewed vision and identity. Uniquely, UiTM is the first public university in Malaysia to place its disability services division under the Chancellery Department, allowing direct reporting to the Vice-Chancellor—a bold move that underscores the university's commitment to inclusive leadership and strategic empowerment.

VISION

- To become a leading center for the development, growth, and empowerment of persons with disabilities (PWD) among higher education institutions in Malaysia.

MISSION

- To enhance the development, growth, and empowerment of persons with disabilities (PWD) through information dissemination, the implementation of empowerment and self-improvement programs, and efficient management of the PWD community.

OBJECTIVES

- To coordinate the management of persons with disabilities (PWD) at all levels of administration within UiTM.
- To fulfill and uphold the rights of persons with disabilities (PWD) to have full access to the Teaching and Learning (PdPc) system and life at UiTM.
- To holistically empower the competitiveness of persons with disabilities (PWD) at UiTM.
- To increase awareness of the rights and issues related to persons with disabilities (PWD) among all UiTM members.



TABLE OF Content

Director's Message	English	iii
Editorial Board	English	iv
U-DserveD Profile	English	v

Section: Cover Story 8

Interview with the Vice Chancellor – ICONS in FOCUS	Bahas Melayu & English	9
--	---------------------------	---

Section: U-DServeD in Action Inclusive Happenings 14

■ Sesi Motivasi dan Ramah Mesra Rektor Bersama Pelajar-Pelajar OKU UiTM Cawangan Pulau Pinang	Bahasa Melayu	15
■ Program Pengisian Rohani dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 2024	Bahasa Melayu	16
■ Pelaporan Program Bicara Inspirasi: Dari Hati ke Hati	Bahasa Melayu	17
■ Program Pengenalan Pas OKU Smile: Menyokong Warga OKU dengan Kemudahan Perjalanan Percuma	Bahasa Melayu	18
■ Kursus Kemahiran Jangka Pendek (KKJP) Seni Tangan Gubahan Bunga dan Coklat Asah Bakat dan Kemahiran Pelajar OKU Pembelajaran	Bahasa Melayu	20
■ Sambutan Bulan OKU UiTM: Cakna OKU "Webinar Menangani Stres dan Depresi: Apa Kata Pakar?"	Bahasa Melayu	23
■ Projek Braillethon: Helaian Ilmu Membawa Cahaya	Bahasa Melayu	24
■ Mycekap Belia – Digital Empowerment Workshop	Bahasa Melayu	25
■ Program Latihan Madani – Elevating Skills for Life	English	26

Section: Access for Ability 28

■ Penambahbaikkan Kampus Mesra OKU: UiTM Cawangan Terengganu Lengkapkan Fasiliti OKU di Blok Kuliah	Bahasa Melayu	29
■ Penambahbaikkan Kampus Mesra OKU: UiTM Cawangan Perak Mempermudahkan Akses ke Tandas OKU di Kampus Seri Iskandar	Bahasa Melayu	30
■ Meningkatkan Aksesibiliti: Penambahan dan Pengubahsuaian Laluan Ramp untuk Pelajar OKU: UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau	Bahasa Melayu Bahasa Melayu Bahasa Melayu	31

4

Section: Scholarly Spotlight on Disability

■ Antimicrobial Copper Touch Surfaces as A Strategy for Inclusive Environments	English	32
■ Empowering Education Campus Mobility and Transportation for Uitm Students with Disabilities	English	36
■ Inclusive Education: Making Reasonable Adjustments in Teaching Approach for Students with Disabilities	English	38

5

U-DServeD Updates: Resources & Announcements

■ Upcoming events	English	
■ i-DIDI2025		

Section:
COVER STORY

NURULHUDA ABD. RAHMAN

29 APRIL 2025

COVER STORY

“ICONS IN FOCUS”



Temubual

**Yang Berbahagia Profesor Datuk
Ts. Dr. Shahrin Sahib @
Sahibuddin, FASc**

Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA

bersama wakil Bahagian
Perkhidmatan dan Pembangunan
OKU UiTM:

**Dr Nurulhuda Abd Rahman selaku
Koordinator Penyelidikan,
Penerbitan dan Inovasi**

- **U-DServeD:** Terima kasih, Datuk, kerana sudi meluangkan masa untuk sesi temu bual bersama UDServeD. Soalan pertama saya: Bagaimanakah Datuk melihat tanggungjawab UiTM dalam menyokong inklusiviti golongan orang kurang upaya (OKU) agar selari dengan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia?
 - **NC:** Terima kasih kepada U-DServeD atas jemputan dalam usaha penerbitan eNewsletter ini. Tanggungjawab utama UiTM bertujuan menyediakan peluang pendidikan tinggi yang inklusif kepada kumpulan yang mempunyai kekurangan atau kumpulan dalam golongan OKU. Malaysia, sebagai sebuah negara dengan populasi sekitar lebih 30 juta penduduk, tidak boleh mengabaikan mana-mana individu berbakat, termasuklah mereka yang mempunyai keistimewaan atau kekurangan tertentu. UiTM tidak hanya menumpukan perhatian kepada pelajar sepenuh masa, tetapi juga mempertimbangkan program khas bagi kumpulan yang berada di luar sistem pendidikan konvensional. Pendekatan pembelajaran berterusan (*continuous learning*) turut digerakkan melalui iCEPS, yang merangkumi Massive Open Online Courses (MOOC) dan latihan profesional.
- Kecaknaan UiTM terhadap golongan OKU tidak hanya terhad kepada pelajar dan staf sedia ada, tetapi juga merangkumi staf yang mempunyai tanggungan OKU. UiTM turut memastikan staf yang berdepan dengan cabaran ini mendapat bantuan yang sewajarnya agar mereka dapat terus berkhidmat dengan baik tanpa dibebani oleh kesukaran mengurus tanggungan mereka. UiTM komited untuk menyediakan akses kepada pendidikan tinggi serta peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Inisiatif ini sebahagian daripada usaha berterusan UiTM dalam memastikan keterangkuman yang sebenar dalam ekosistem pendidikan tinggi negara.
- **U-DServeD:** Apakah pandangan Datuk mengenai usaha untuk mewujudkan kesinambungan serta memperkukuhkan inklusiviti dalam nilai-nilai sedia ada di UiTM?
 - **NC:** Kita kembali kepada cogan kata utama UiTM, iaitu Usaha, Takwa, Mulia yang bukan sekadar slogan, tetapi satu prinsip yang harus dibudayakan, disemarakkan, dan dipupuk dalam setiap jiwa warga UiTM. Salah satu elemen penting ialah empati, iaitu keupayaan untuk meletakkan diri dalam situasi orang lain. Dari sudut psikologi, empati merupakan aspek yang sangat besar dalam membentuk keterangkuman dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap keperluan golongan tertentu. Dalam hal ini, terdapat perbezaan yang jelas antara persepsi dan perspektif. Persepsi merujuk kepada bagaimana sesuatu perkara dilihat atau ditafsirkan oleh seseorang, manakala perspektif pula mencerminkan sudut pandang yang lebih luas, berdasarkan pengalaman, ilmu, dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu isu.

Sering kali, seseorang yang dikategorikan sebagai OKU dilihat dari sudut kekurangan keupayaan fizikal atau deria. Namun, hakikatnya, setiap individu yang diuji dengan kekurangan dalam satu aspek sering dikurniakan kelebihan dalam aspek yang lain. Jika dikaitkan dengan nilai-nilai yang diterapkan di UiTM, nilai ini perlu terus diperkukuhkan melalui dua aspek utama, iaitu melihat dengan cakna dan yang kedua melihat dengan belas dan empati – Keupayaan untuk memahami dan merasai pengalaman individu lain, serta bertindak dengan ihsan terhadap semua makhluk, sama ada manusia, haiwan, atau alam sekitar.



"Biarlah yang buta itu meniup api, Biarlah yang pekak itu menembak meriam, Biarlah yang kurap itu menebang buluh, Biarlah yang capik itu menghalau ayam."

Salah satu prinsip kepimpinan yang saya pegangialah: Jika kita terlalu eksklusif, kita akan diketepikan; tetapi jika kita bersifat inklusif, kita akan diketengahkan. Ada satu petua lama yang pernah saya dengar: "Biarlah yang buta itu meniup api, Biarlah yang pekak itu menembak meriam, Biarlah yang kurap itu menebang buluh, Biarlah yang capik itu menghalau ayam." Jika kita renungkan, kita sering melihat orang buta sebagai individu yang kekurangan, tetapi hakikatnya kebutaan itu boleh menjadi kelebihan. Inilah konsep menukar kelemahan menjadi kekuatan – satu prinsip kepimpinan yang telah lama diamalkan oleh orang-orang terdahulu. Betapa indahna makna yang terkandung dalam budaya masyarakat Melayu yang sejak dahulu lagi bersifat inklusif. Dalam falsafah kehidupan orang Melayu, tiada penghinaan terhadap mereka yang memiliki kekurangan fizikal, kerana setiap individu tetap mempunyai peranan dan kelebihan tersendiri dalam masyarakat.

- **U-DServeD:** Bagaimanakah UiTM boleh memastikan bahawa nilai inklusiviti ini menjadi budaya yang menyeluruh di dalam universiti?
- **NC:** Dalam konteks pengurusan, inklusiviti bukan sekadar soal pewartaan dasar, pemakluman polisi, pelaksanaan, penguatkuasaan, dan pemantauan. Apa yang lebih penting ialah nilai kebersamaan dan kesepunyaan— togetherness and ownership.

Gambar 1: Sambutan Hari OKU 2024 pada 13 Disember 2024

Maka, nilai ini perlu diperkukuhkan dalam pemikiran kita semua—melihat seseorang bukan hanya berdasarkan kekurangannya, tetapi juga menghargai kelebihannya. Jika kita merasakan diri kita sempurna, hakikatnya dalam kesempurnaan itu pasti ada ketidaksempurnaan, kerana kita hanyalah makhluk ciptaan Allah. Oleh itu, kita tidak seharusnya melihat diri lebih tinggi atau lebih mulia daripada sesiapa, sebaliknya harus menyedari bahawa setiap makhluk diciptakan dengan peranan dan keistimewaan yang tersendiri. Apa yang benar-benar membezakan kita hanyalah takwa—bukan kekuatan fizikal, bukan keupayaan intelektual, bukan juga kedudukan dalam masyarakat. Takwa ialah kebergantungan dan kepercayaan kita kepada Tuhan Yang Esa, yang menjadi asas kepada nilai kemanusiaan yang sebenar.



Gambar 2: PM Dr Roslinda bersama Malaysian Federation of the Deaf Tuan Mohamad Sazali Shaari pada 10 Jan 2024

Apa sahaja yang dilakukan di UiTM, sebagai sebuah organisasi yang besar, menjadi tanggungjawab bersama. Apabila kita bercakap tentang UiTM, kita sebenarnya bercakap tentang kita semua sebagai warga UiTM. Maka, setiap individu dalam sistem ini perlu melihat keterangkuman OKU sebagai sebahagian daripada diri mereka— "mereka adalah kita, dan kita adalah mereka."



Gambar 3: Program Neon Inclusive Night Run pada 25 Oktober 2024


- **U-DServeD:** Apakah cabaran terbesar yang Datuk lihat dalam memupuk budaya inklusiviti untuk OKU di institusi besar seperti UiTM?
- **NC:** Cabaran terbesar dalam memupuk budaya inklusiviti di UiTM adalah mengenengahkan individu OKU dalam masyarakat yang mungkin tidak menyedari kewujudan atau keperluan mereka. Pendekatan yang lebih halus dan bersepadu diperlukan agar kesedaran masyarakat meningkat secara semula jadi dan budaya inklusiviti ini menjadi norma dalam kehidupan kampus. Gambar 3: Program Neon Inclusive Night Run pada 25 Okt 2024. Kedua, mewujudkan kumpulan sokongan yang berbeza-beza salah satunya seperti UiTM Inspirational and Inclusion Club (UICC). Peranan kumpulan sokongan ini wajar diperluas seperti mewujudkan rangkaian kumpulan sokongan yang aktif supaya lebih ramai warga universiti boleh terlibat secara langsung dalam mendukung golongan OKU seperti di dalam UiTM, iaitu kepada pelajar OKU, staf OKU dan staf tanggungan OKU.

- **U-DServeD:** Dalam tempoh 15 tahun akan datang, di manakah Datuk melihat kedudukan UiTM serta peranannya sebagai peneraju dalam memperkukuh inklusiviti golongan OKU di Malaysia?
- **NC:** Bagi saya, UiTM telah berada di hadapan dalam pelbagai aspek, Alhamdulillah. Hal ini terbukti apabila rakan-rakan luar negara kita datang untuk melihat dan menjadikan UiTM sebagai contoh. "Globally Renowned, Locally Rooted". Ini menunjukkan bahawa UiTM semakin diiktiraf pada peringkat global. Jika ditanya tentang harapan saya, saya berharap agar suatu hari nanti, kewujudan unit khas seperti U-DServeD ini tidak lagi diperlukan kerana sistem kita sendiri sudah cukup inklusif secara menyeluruh. Bukanlah bermaksud bahawa tiada sokongan kepada OKU, sebaliknya sokongan terhadap golongan OKU telahpun disepadukan secara sistematik dalam ekosistem UiTM yang lebih inklusif.
- **U-DServeD:** Apakah peranan universiti secara umum atau UiTM secara khusus boleh mainkan dalam mempengaruhi dasar negara berkaitan inklusiviti OKU?
- **NC:** Negara sememangnya telah mempunyai pelbagai dasar dan polisi khusus berkaitan inklusiviti OKU. Namun, persoalannya, bagaimana kita dapat memperhalusi serta menambah baik dasar-dasar ini agar lebih menyeluruh dan berkesan. Tanggungjawab kita bukan hanya terbatas dalam lingkungan UiTM semata-mata, tetapi juga melibatkan peranan kita dalam mempengaruhi masyarakat secara lebih meluas. Sebagai contoh, jika kita berada di Shah Alam, kita boleh menjalin kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, kerajaan negeri, atau pihak berkuasa tempatan. Begitu juga dengan kampus-kampus UiTM di seluruh negara, yang berpotensi untuk membentuk jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak pada peringkat negeri dan daerah. Sekiranya kita dapat memulakan inisiatif sebagai satu "nukleus perubahan", UiTM boleh menjadi pemangkin kepada transformasi yang lebih besar dalam memastikan persekitaran yang inklusif. Konsep Malaysia Madani yang kita perjuangkan hari ini harus diterjemahkan ke dalam tindakan yang menyeluruh oleh setiap lapisan masyarakat.



Gambar 4: Kunjungan Delegasi Tashkent Tate University of Economics, Ezbekistan. Bersama Rektor Prof Dr Tulkin Teshabaev dan En Sardor Toshmatov pada 5 Feb 2025

- **U-DServeD:** Apakah tindakan yang diambil oleh Datuk sendiri dalam memastikan matlamat ini menjadi keutamaan UiTM?
- **NC:** Sebagai individu yang diberi amanah untuk memimpin institusi ini, saya melihat instrumen yang berada dalam bidang kuasa saya sebagai Naib Canselor terutamanya memastikan dasar ini bukan sekadar inisiatif sementara, tetapi sebaliknya menjadi satu dasar yang berterusan dan berinstitusi. Pendekatan ini perlu disepadukan dalam pelan pembangunan UiTM, contohnya dalam UiTM 2030, kami menerapkan elemen-elemen khusus berkaitan inklusiviti OKU sebagai sebahagian daripada hala tuju strategik universiti. Dengan cara ini, elemen berkaitan OKU tidak hanya dilihat sebagai inisiatif sampingan, tetapi menjadi sebahagian daripada keutamaan institusi. Ia juga perlu diterjemahkan dalam bentuk sasaran yang jelas, seperti penetapan Key Performance Indicators (KPI) serta kayu ukur bagi menilai tahap aksesibiliti perkhidmatan yang ditawarkan. Apabila dasar ini telah diinstitusikan, hala tuju strategik yang diwujudkan bukan hanya menjadi tanggungjawab satu individu atau satu jabatan, seperti pengarah atau U-DServeD sahaja, tetapi menjadi agenda bersama yang dipikul oleh seluruh warga UiTM. Dengan pendekatan ini, insya-Allah, UiTM akan dapat memainkan peranan lebih besar dalam memastikan inklusiviti OKU bukan sekadar wacana, tetapi realiti yang dihayati pada semua peringkat.



Gambar 5: Ihya Ramadhan D.Y.M.M Sultan Selangor bersama Warga UiTM pada 11 Mac 2025

**“Ketidakupayaan
adalah sesuatu
yang pasti”**

- **U-DServeD:** Apakah mesej yang ingin Datuk sampaikan kepada warga UiTM mengenai peranan mereka dalam membina persekitaran universiti yang benar-benar inklusif?

- **NC:** “Ketidakupayaan adalah sesuatu yang pasti”. Oleh itu, setiap individu perlu cakna, kita sering terikat dengan persepsi tertentu, sedangkan kita perlu membentuk perspektif yang lebih luas dan pelbagai agar dapat memahami serta menghargai keperluan semua golongan dalam masyarakat. Dengan pemahaman ini, setiap daripada kita dapat berperanan sebagai ejen perubahan ke arah membina sebuah persekitaran yang lebih inklusif dan mesra untuk semua. Sebagai penutup, saya ingin berkongsi satu hadis Nabi SAW yang sering saya jadikan pegangan: “Sebaik-baik manusia adalah orang paling bermanfaat bagi orang lain” (HR Ibn. Hibban). Jika kita berpegang kepada prinsip ini, kita akan sentiasa berusaha untuk berbakti dan berkhidmat kepada orang lain. Namun, ini bukanlah bermaksud kita perlu mengabaikan diri sendiri sepenuhnya, tetapi yang lebih utama supaya dapat memastikan manfaat yang kita berikan memberi impak positif kepada masyarakat secara keseluruhan. Ini juga bermakna bahawa setiap pemimpin pada setiap peringkat harus memainkan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab. Seorang pemimpin bukan sekadar individu yang memberikan arahan (boss around), tetapi seseorang yang memimpin dengan teladan dan turun ke lapangan bersama masyarakat yang dipimpinnya. Seorang pemimpin sejati perlu berada di barisan hadapan, memahami cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU, dan berusaha mencari penyelesaian yang terbaik. Oleh itu, seruan saya agar semua pemimpin mengambil peranan aktif dalam menunjukkan contoh kepimpinan yang inklusif— bukan sekadar merancang, tetapi turut melaksanakan inisiatif yang memberi manfaat kepada semua.
- **U-DServeD:** Terima kasih Datuk atas perkongsian bermakna dan membuka banyak perspektif baharu.
- **NC:** Terima kasih di atas peluang yang diberikan.

INSIGHTS FROM

THE VICE CHANCELLOR

ENGLISH SUMMARY

Vice Chancellor's Vision for Disability Inclusion at UiTM

In a heartfelt interview, the Vice Chancellor of UiTM reaffirmed the university's deep commitment to disability inclusion aligned with the Malaysian Higher Education Blueprint. He emphasized that inclusive education is not a privilege but a necessity, ensuring that no talent—especially among persons with disabilities (PWD)—is left behind.

UiTM's efforts extend beyond students, covering staff with disabilities and staff with dependents who are PWD. Initiatives such as professional training via iCEPS and flexible learning opportunities reflect UiTM's inclusive approach. The Vice Chancellor underlined the importance of empathy and a broader perspective in embedding inclusivity as a core cultural value within the university community.

He pointed out that inclusivity is not just about policies, but about fostering ownership and togetherness, where everyone sees themselves as part of the same community. He also addressed challenges, such as public awareness and the need for expanded support groups like UIIC.

Looking ahead, the VC envisions a future where inclusivity is seamlessly embedded into UiTM's system, removing the need for specialized units. He urged UiTM to be a catalyst for wider national transformation through collaboration with local authorities and alignment with the Malaysia MADANI vision.

He concluded with a powerful message: “Disability is a certainty.” Every individual must develop broad, inclusive perspectives and contribute as agents of change. Citing a hadith, he reminded all leaders to serve others with humility, not just through planning, but by walking alongside the communities they lead.

Section:
**U-DServeD IN
ACTION!! INCLUSIVE
HAPPENINGS**

SESI MOTIVASI DAN RAMAH MESRA REKTOR BERSAMA PELAJAR-PELAJAR OKU UITM CAWANGAN PULAU PINANG

NOR HASLINDA OTHMAN | MOHD MUNIR AHMAD | MOHAMA FARMEE SAAD |
MOHAMAD FARID MOHAMAD YATIM | ANAS IBRAHIM



Gambar 1: Sesi motivasi melalui kaunseling kelompok dan latihan dalam kumpulan.

Sesi Motivasi Dan Ramah Mesra Rektor Bersama Warga OKU UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya sempena permulaan semester baru Oktober 2024. Program ini merupakan salah satu aktiviti perkhidmatan sokongan kepada pelajar-pelajar OKU, selaras dengan polisi yang telah digariskan oleh Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DServeD). Program ini telah dihadiri oleh pelajar-pelajar OKU lama dan yang baru mendaftar di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Acara ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dr. Anas Ibrahim, Penyelaras Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DServeD) UiTM Cawangan Pulau Pinang, yang menekankan pemerkasaan pelajar-pelajar OKU serta memberikan kata-kata semangat dan dorongan kepada para pelajar-pelajar OKU.



Gambar 2: Penyertaan pelajar-pelajar OKU yang aktif dalam program

Seterusnya, program disambung dengan Sesi Motivasi yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Puan Nur Fazlin Shazana Mohamad Safiai, Pegawai Psikologi Kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang. Beliau dibantu oleh dua orang pelajar praktikal, Nurul Athirah Hanif dan Nur Adilah Shahidan. Sesi ini menggunakan konsep kaunseling kelompok dan latihan dalam Kumpulan (Gambar 1), yang mendapat perhatian dan komitmen penuh daripada semua pelajar OKU yang hadir. Melalui sesi ini, para pelajar senior turut berkongsi pengalaman mereka dengan pelajar-pelajar baru, memberikan inspirasi dan panduan untuk menghadapi cabaran di universiti. Program ini dilaksanakan untuk meningkatkan semangat, keyakinan diri dan produktiviti pelajar dalam mencapai impian mereka. Selain itu, ia memberikan dorongan dan inspirasi kepada pelajar dalam mendepani cabaran dan isu yang dihadapi bagi meneruskan pengajian mereka dengan lancar. Banyak individu mengalami hambatan mental dan emosional, sehingga memerlukan dorongan untuk mengembangkan potensi dan keterampilan mereka secara maksima. Pihak pengurusan program ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DServeD) atas sokongan kewangan dan moral dalam menjayakan aktiviti ini. Tidak lupa kepada Pengurusan tertinggi dan warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, pelajar-pelajar, serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Sesi Motivasi dan Ramah Mesra Rektor Bersama Warga OKU UiTM Cawangan Pulau Pinang.

PROGRAM PENGISIAN ROHANI DAN MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI 2024

Disediakan oleh: En Mushaireen bin Musa (Penyelaras Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU, U-DServeD, UiTMCT), **Nurul Afaf Zainon** (Pegawai Perhubungan OKU, U-DServeD, UiTMCTKD), **Siti Maryam Sulaiman** (Pegawai Perhubungan OKU, U-DServeD, UiTMCTKKT), **Azrin Ariffin** (Pegawai Perhubungan OKU, U-DServeD, UiTMCTKBB) & **Julaida Razali** (Kerani Kanan Pejabat Rektor)

Terengganu, 7 Mei 2024 – Bertempat di Pusat Kegiatan Pelajar, Kolej Gemia, UiTM Cawangan Terengganu telah diadakan Program Pengisian Rohani dan Ramah Mesra Aidilfitri bersama Warga OKU yang terdiri daripada staf OKU, staf dengan tanggungan OKU, dan pelajar OKU.

Seramai 24 orang Warga OKU melibatkan ketiga-tiga kampus; Dungun, Kuala Terengganu, dan Bukit Besi. Turut memeriahkan majlis ini adalah Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik Prof. Madya Ts. Dr. Sarifah Fauziah Syed Draman, Penolong Rektor UiTMCT Kampus Kuala Terengganu, Dr. Syahrul Hezrin Mahmud, dan staf Pejabat Rektor.

Program ini di biayai oleh Unit Perkhidmatan OKU UiTM Malaysia melalui Tabung Cakna OKU sebanyak RM 1,000.00 dan sumbangan perseorangan berbentuk kewangan sebanyak RM 2,000 serta sumbangan berbentuk makanan. Program ini dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan & Pengurusan OKU (U-DserveD UiTMCT) dengan tujuan untuk mewujudkan suasana mesra OKU melalui Program Pengisian Rohani dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 2024. Program ini juga bertujuan meningkatkan keyakinan warga OKU bahawa mereka bukan bebanan tetapi merupakan kurniaan yang layak untuk mendapat kesaksamaan.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTMCT. Dalam ucapan rasminya, beliau menyokong agar program seumpama ini terus diadakan pada masa akan datang dan menekankan kebertanggungjawaban bersama dalam merealisasikan agenda UiTMCT.

Majlis kemudian diteruskan dengan Pengisian Rohani oleh Mantan Pensyarah Kanan ACIS Ustaz Wahairi Wan Mahmud dengan tajuk "Tanggungjawab OKU". Dalam pengisian berkenaan, penceramah menekankan dua aspek penting: tanggungjawab pengurusan terhadap keperluan warga OKU dalam survival kehidupan mereka, serta tanggungjawab OKU terhadap pencipta dan sesama manusia.



Pemberian duit raya oleh wakil Pejabat Rektor; Prof. Madya Ts. Dr. Sarifah Fauziah Syed Draman, (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTMCTKD)



Suasana sepanjang berlangsung Program/ Aktiviti

Majlis penyampaian duit raya kepada warga OKU telah disampaikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTMCT, Prof. Madya Ts. Dr. Sarifah Fauziah Syed Draman. Seterusnya, majlis suaikenal antara Pengurusan UiTMCT bersama OKU dan Latihan Dalam Kumpulan dilakukan secara santai sambil menikmati juadah makanan berkonsepkan buffet.

Program ini menandakan satu langkah besar dalam usaha UiTMCT untuk meningkatkan sokongan dan kecaknaan terhadap warga OKU universiti. Ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana semua peserta menyatakan bahawa program sebegini perlu diteruskan bagi memastikan warga OKU kampus dapat diperkasakan dan menyedarkan bahawa mereka tidak disisihkan. Ini membuktikan bahawa UiTMCT komited dalam memperjuangkan nilai kesaksamaan dan kesejahteraan warga oku di kampus cawangan.

Pelaporan

PROGRAM BICARA INSPIRASI: DARI HATI KE HATI

Disediakan oleh: Dr. Nik Norziehana Che Isa

Program Bicara Inspirasi: Dari Hati ke Hati telah berlangsung dengan jayanya pada 20 April 2024 di Pusat Asasi UiTM dan dirasmikan oleh Puan Hj. Jusniza binti Jamal, Ketua Pusat Pengajian Asasi Undang-Undang UiTM. Program ini, yang dihadiri oleh 100 pelajar asasi UiTM, bertujuan untuk mendorong pelajar OKU turut serta dalam aktiviti sosial dan komuniti, sekaligus memupuk integrasi mereka dalam kehidupan kampus. Selain itu, program ini menyediakan latihan dan bimbingan bagi membantu pelajar OKU membangunkan kemahiran hidup yang penting untuk mencapai kemerdekaan, seperti kemahiran komunikasi dan pengurusan program. Pada masa yang sama, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga Pusat Asasi UiTM mengenai keperluan dan potensi pelajar OKU serta memupuk pemahaman dan penghargaan terhadap kepelbagaian individu.

Program ini, yang dimoderatorkan oleh ChM. Dr. Hussein bin Hanibah, menampilkan tiga panelis: saudara Khairulanwar, seorang pelajar OKU penglihatan (buta sepenuhnya), saudara Naquiddin, yang bertindak sebagai "buddy" kepada Khairulanwar, serta saudari Qistina Aqilah, seorang pelajar OKU fizikal. Ketiga-tiga panelis ini adalah pelajar asasi undang-undang di UiTM Kampus Dengkil. Dalam program ini, markah KOKO diberikan kepada semua pelajar yang hadir, dan 10 pelajar menerima sampul duit raya semasa sesi soal jawab dengan panelis.



Poster Program



Antara peserta yang hadir



Ucapan aluan dan perasmian program oleh Puan Hj. Jusniza binti Jamal, Ketua Pusat Pengajian Asasi Undang-Undang UiTM.



Barisan panelis dan moderator. Dari kiri: Qistina Aqilah, ChM. Dr. Hussein, Khairulanwar dan Naquiddin.



Sesi perkongsian dan soal jawab daripada peserta.



Turut hadir ibu kepada Qistina Aqilah yang tidak dapat menahan sebak mendengar perkongsian daripada panelis.

PROGRAM PENGENALAN PAS OKU SMILE: MENYOKONG WARGA OKU DENGAN KEMUDAHAN PERJALANAN PERCUMA

| Disediakan oleh: Sr Dr Roslina Idris

Selangor, 10 Mei 2024 – Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DServeD), dengan kerjasama Prasarana Malaysia Berhad, telah menjemput semua warga awam OKU dan warga OKU UiTM Shah Alam untuk menyertai Program Pengenalan PAS OKU SMILE yang telah diadakan pada 7 dan 8 Mei 2024. Lebih penting lagi, program ini juga menunjukkan usaha bersama dalam memperkenalkan inisiatif yang memberi manfaat kepada golongan OKU dalam komuniti. Program ini telah berlangsung selama 2 hari bermula jam 9 pagi hingga 3 petang bertempat di Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM, Kompleks Antarabangsa, UiTM Shah Alam. Turut memeriahkan majlis ini adalah Prof. Madya Ts Dr Roslinda Alias (Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DServeD)) dan beberapa orang wakil dari Prasarana Sdn Bhd.

Program ini adalah sebuah inisiatif penting yang bertujuan untuk memperkenalkan kemudahan dan sokongan yang disediakan untuk warga OKU melalui PAS OKU SMILE. Disamping dapat memberi manfaat kepada semua individu dalam kategori di atas dengan fokus kepada memudahkan mobiliti dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Siapakah yang boleh menyertai program ini?

Program Pengenalan **PAS OKU SMILE** terbuka kepada:

- **Mahasiswa OKU** – Pelajar yang tergolong dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU) yang sedang menuntut di UiTM.
- **Staf OKU** – Kakitangan UiTM yang merupakan OKU.
- **Staf yang mempunyai Tanggungan OKU** – Kakitangan UiTM yang mempunyai tanggungan yang tergolong dalam kategori OKU.

Mereka telah diberikan penerangan terperinci mengenai cara untuk mendapatkan PAS OKU SMILE dan bagaimana mereka boleh memanfaatkannya untuk mendapatkan kemudahan pengangkutan percuma yang disediakan.

Mengapa Program Ini Penting?

Program Pengenalan PAS OKU SMILE bukan sahaja memberi kemudahan perjalanan percuma, tetapi juga membuktikan komitmen Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DServeD) dalam memastikan warga OKU UiTM mendapat akses yang lebih baik kepada perkhidmatan dan fasiliti awam. Sebagai institusi pendidikan yang inklusif, UiTM berusaha untuk menyediakan sokongan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan semua warga OKU, tidak kira peringkat umur atau kemampuan fizikal mereka.



*PAS OKU SMILE yang diterima oleh
Staf OKU dan Mahasiswa OKU UiTM*

Kemudahan pengangkutan awam yang mesra OKU sangat penting dalam mempertingkatkan mobiliti dan kebebasan bagi individu OKU. Dengan adanya PAS OKU SMILE, warga OKU di UiTM Shah Alam dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian dan fokus kepada perkara yang lebih penting seperti pendidikan, kerja, dan sosial. Keupayaan untuk bergerak tanpa sekatan memberi warga OKU peluang untuk lebih aktif dalam kehidupan seharian, bertemu rakan, menghadiri kelas atau mesyuarat, serta melibatkan diri dalam aktiviti sosial yang meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal. Antara kesan peningkatan kualiti kehidupan dan mobiliti kepada warga OKU UiTM seperti:

- **Mahasiswa OKU** – kemudahan ini dapat meningkatkan penyertaan mereka dalam kegiatan akademik dan ekstrakurikular, yang akhirnya memberi kesan positif kepada pencapaian akademik dan perkembangan sosial mereka. PAS OKU SMILE mempermudah pergerakan mereka di sekitar kampus dan di luar kampus. Mereka tidak lagi perlu bimbang tentang kos pengangkutan yang boleh menjadi penghalang kepada aktiviti mereka, sama ada untuk menghadiri kelas, seminar, atau bengkel. Ini memberi mereka lebih banyak peluang untuk terlibat dalam kehidupan kampus secara aktif, yang akan meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka.
- **Staf OKU dan Staf yang mempunyai tanggungan OKU** – PAS OKU SMILE menyediakan akses mudah dan percuma ke tempat kerja atau sebarang acara rasmi tanpa perlu risau tentang pengangkutan. Ini adalah satu langkah ke arah menyediakan persekitaran kerja yang lebih inklusif dan mesra OKU, di mana mereka dapat bekerja dengan lebih produktif tanpa sebarang halangan logistik.

Manfaat PAS OKU SMILE untuk Warga OKU UiTM

Salah satu manfaat utama yang ditawarkan melalui PAS OKU SMILE adalah kemudahan perjalanan percuma bagi warga OKU. Dengan memiliki pas ini, pengguna akan dapat menikmati perjalanan tanpa kos tambahan menggunakan beberapa perkhidmatan pengangkutan awam utama yang meliputi:

- **RapidBus** – Menghubungkan kawasan bandar dengan mudah, memudahkan perjalanan harian bagi warga OKU.
- **LRT dan MRT** – Membolehkan warga OKU untuk mengakses rangkaian transit yang luas, tanpa perlu risau tentang kos perjalanan.
- **Monorel** – Sebuah lagi alternatif pengangkutan yang mesra OKU untuk menjadikan perjalanan lebih mudah dan pantas.

Kemudahan seperti ini pastinya akan mengurangkan masalah mobiliti yang sering dihadapi oleh warga OKU dan memberi mereka lebih kebebasan dalam menjalani aktiviti harian.

Pendaftaran dan Penyertaan Program

Pendaftaran dan pemilihan kad dalam program ini dikenakan bayaran sebanyak RM5 (bayaran tunai sahaja). Oleh itu, pihak U-DserveD UiTM menggalakkan semua warga OKU yang berkelayakan untuk mendaftar dan menyertai program ini. Pihak penganjur turut menyediakan makanan dan minuman sepanjang program berlangsung, bagi memastikan semua peserta merasa selesa dan dilayan dengan baik. Pihak penganjur komited untuk memastikan proses pendaftaran dan pengedaran PAS OKU SMILE berjalan lancar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, **PAS OKU SMILE** menawarkan pelbagai manfaat yang lebih daripada sekadar kemudahan pengangkutan percuma. Dengan menyediakan akses kepada kemudahan mesra OKU, memberi lebih kebebasan dalam bergerak dan membuka peluang untuk peningkatan kualiti hidup. Program ini merupakan satu langkah penting dalam memajukan kesejahteraan dan integrasi sosial warga OKU. Diharapkan melalui inisiatif ini, lebih ramai warga OKU di UiTM Shah Alam dapat menikmati kemudahan yang setaraf dan meningkatkan penyertaan mereka dalam kehidupan kampus, pekerjaan, dan masyarakat. **Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM (U-DserveD)** dan Prasarana Malaysia Berhad mengharapkan ia dapat memberi impak positif terhadap mobiliti dan kehidupan harian warga OKU. Disamping dapat menikmati semua manfaat yang ditawarkan.

Antara warga OKU yang menunggu giliran untuk mendapatkan PAS OKU SMILE



Abstrak

Kursus Kemahiran Jangka Pendek (KKJP) Seni Tangan Gubahan Bunga dan Coklat merupakan inisiatif latihan yang dirancang khusus bertujuan untuk mengasah bakat dan kemahiran kreatif pelajar melalui aktiviti sesi tangan yang berpotensi menjana pendapatan. Melalui pendekatan pembelajaran berasaskan praktikal, kursus ini telah menarik minat pelajar OKU pembelajaran di mana, beliau didedahkan kepada Teknik asas dan lanjutan dalam gubahan bunga dan coklat yang sesuai untuk pelbagai majlis. Selain meningkatkan kemahiran motor halus dan daya tumpuan pelajar, kursus yang dilaksanakan selama tiga hari dengan kerjasama UiTM Cawangan Perlis, Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan OKU (U-DServed) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Perlis ini juga berfungsi sebagai platform untuk membangunkan keyakinan diri dan keusahawanan pelajar. Pelajar didorong untuk meneroka potensi dalam bidang perniagaan kecil-kecilan dengan bimbingan tenaga pengajar yang berpengalaman. Kursus ini telah memberikan impak positif kepada Pembangunan diri pelajar terutama sekali pelajar OKU pembelajaran yang terlibat dengan membuka peluang ekonomi serta meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka dalam bidang kreatif dan keusahawanan.

Kata Kunci: Gubahan Bunga dan Coklat, Kursus Kemahiran Jangka Pendek (KKJP), OKU, Seni Tangan

1.0 Pendahuluan

Kursus Kemahiran Jangka Pendek (KKJP) Seni Tangan Gubahan Bunga dan Coklat adalah inisiatif kreatif UiTM Cawangan Perlis, dengan kerjasama U-DServed dan KEMAS Perlis. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari teknik seni tangan yang inovatif serta meneroka potensi keusahawanan dalam bidang kreatif. Program ini bertujuan untuk memupuk kreativiti pelajar sambil memperkenalkan kemahiran seni tangan yang praktikal dan bernilai komersial. Melalui aktiviti gubahan bunga dan hiasan coklat, peserta diberi peluang untuk meneroka seni kreativiti yang unik serta memahami potensi keusahawanan dalam bidang ini.

Kursus ini menampilkan pendekatan inklusif, dengan penyertaan sukarela 15 pelajar daripada pelbagai fakulti, termasuk seorang pelajar berstatus OKU pembelajaran. Ia membuktikan komitmen UiTM Cawangan Perlis untuk menyediakan peluang pembelajaran yang menyeluruh kepada semua lapisan pelajar, di samping meningkatkan bakat mereka dalam bidang seni dan inovasi. Dengan sokongan tenaga pengajar yang berpengalaman, kursus ini membuka ruang untuk peserta menghasilkan karya seni tangan yang berkualiti dan mampu menjana pendapatan.

KURSUS KEMAHIRAN JANGKA PENDEK (KKJP) SENI TANGAN GUBAHAN BUNGA DAN COKLAT ASAH BAKAT DAN KEMAHIRAN PELAJAR OKU PEMBELAJARAN

Disediakan oleh:

Dr. Nur Zainie binti Abd Hamid (Penyelaras Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU, UiTM Cawangan Perlis)



Gambar 1: Peserta dan Tenaga Pengajar Kursus

2.0 Kandungan Kursus

Kursus ini memberi penekanan kepada penguasaan teori dan praktikal dalam seni gubahan serta pengenalan kepada asas keusahawanan. Dalam sesi teori, peserta mempelajari konsep asas seperti pemilihan bahan berkualiti, penggunaan warna yang harmoni dan teknik reka bentuk kreatif. Pengetahuan ini membantu peserta memahami prinsip estetik yang menjadi asas kepada seni gubahan bunga dan coklat. Selain itu, peserta juga didedahkan kepada kaedah perancangan produk untuk memenuhi permintaan pasaran termasuk jenis gubahan popular untuk acara tertentu seperti perkahwinan, hadiah korporat, dan sambutan perayaan.

Sesi praktikal pula memberi peluang kepada peserta untuk menerapkan teori yang dipelajari dengan menghasilkan gubahan bunga dan hiasan coklat secara langsung. Aktiviti ini menumpukan kepada penggunaan teknik gubahan moden seperti susunan lapisan, pemilihan tema dan hiasan tambahan untuk mencipta hasil yang menarik dan bernilai komersial. Modul asas keusahawanan turut disertakan, di mana peserta diberi pendedahan tentang pengurusan kos, penetapan harga produk, dan strategi pemasaran yang efektif. Sesi ini bertujuan membantu peserta mengenalpasti peluang menjadikan kemahiran mereka sebagai sumber pendapatan tambahan atau perniagaan sepenuh masa. Gabungan teori, praktikal, dan elemen keusahawanan ini menjadikan kursus ini satu platform holistik untuk memperkasa pelajar dalam bidang seni kreatif dan ekonomi.

3.0 Kepentingan Kursus Kemahiran kepada Pelajar OKU

Kemahiran memainkan peranan penting dalam Pembangunan diri pelajar OKU, bukan sahaja dalam aspek akademik tetapi juga dalam meningkatkan kualiti hidup mereka. Latihan kemahiran seumpama ini menyediakan pelajar OKU dengan keupayaan yang boleh digunakan dalam dunia pekerjaan terutama dalam bidang kreatif dan keusahawanan (Itok et al., 2024). Malah, kajian menunjukkan bahawa pelajar OKU yang mempunyai kemahiran lebih berupaya untuk menjalani kehidupan yang berdikari, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada orang lain (So Yeon, et al., 2021). Ini kerana, kemahiran bukan sahaja membantu dari segi kebolehpasaran tetapi turut meningkatkan keyakinan diri pelajar OKU dalam membina hubungan sosial yang lebih baik dengan masyarakat (Rohaizat et al., 2021).

Penglibatan seorang pelajar berstatus OKU dalam kursus ini menyokong dasar pembelajaran yang inklusif dan holistik. Pelajar ini diberi peluang untuk turut serta bersama peserta lain dalam mempelajari kemahiran seni gubahan bunga dan hiasan coklat, yang memerlukan fokus, kesabaran dan kreativiti. Dengan sokongan tenaga pengajar yang memahami keperluan khas, pelajar OKU pembelajaran dapat menyesuaikan diri dengan aktiviti yang dijalankan, sama ada melalui kaedah tunjuk ajar langsung atau bimbingan yang disesuaikan mengikut kemampuan mereka. Pendekatan ini memastikan pelajar berstatus OKU tidak hanya menyertai program secara simbolik tetapi juga memperoleh kemahiran sebenar yang mampu diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka.

Selain itu, penyertaan pelajar OKU berkenaan memberi impak positif kepada keseluruhan dinamika kursus. Ia membuka ruang kepada rakan-rakan peserta untuk memahami dan menghargai kepelbagaian, sekaligus membentuk persekitaran pembelajaran yang saling menyokong. Interaksi ini membantu memupuk nilai empati dan kerjasama dalam kalangan peserta lain, sambil memberikan inspirasi kepada semua untuk berusaha mencapai potensi masing-masing. Pelajar OKU ini juga berpeluang merasai pengalaman bermakna, membangunkan keyakinan diri, dan membuktikan bahawa mereka juga mampu menghasilkan karya seni tangan yang indah dan bernilai komersial. Kejayaan mereka dalam kursus ini menjadi contoh nyata bahawa pendekatan inklusif dapat memberikan hasil positif bukan sahaja kepada individu berkeperluan khas tetapi juga kepada komuniti pembelajaran secara keseluruhan.

4.0 Kesimpulan

Pelaksanaan kursus ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam mengasah bakat dan meningkatkan kemahiran kreatif pelajar terutama sekali pelajar OKU pembelajaran yang terlibat. Kejayaan kursus ini membuktikan bahawa pelajar OKU pembelajaran juga mampu untuk menguasai kemahiran kursus apabila diberikan peluang dan bimbingan yang bersesuaian seperti pelajar normal yang lain. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan dan diperluaskan agar lebih ramai pelajar mendapat manfaat sekaligus membuka ruang kepada mereka untuk berdikari dalam bidang kreatif dan keusahawanan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan KKJP Seni Tangan Gubahan Bunga dan Coklat. Penghargaan khas dirakamkan kepada tenaga pengajar dan fasilitator yang telah berkongsi ilmu serta membimbing peserta dengan penuh kesabaran dan dedikasi. Terima kasih juga kepada pengurusan UiTM Cawangan Perlis, U-DServeD dan KEMAS Negeri Perlis atas sokongan serta kemudahan yang disediakan sepanjang kursus berlangsung.

Rujukan

1. Itok Dwi, K., Wahyu, N., Tamrin, A. G., Ine Laynazka & Ismawati, S. (2024) The meaning of vocational rehabilitation for people with disabilities: A phenomenological study. *Advances in Social Science, Education and Humanities*, 286–292.
2. Rohaizat, I., Ciptro, H., Abdul Rahim, R. & Muhammad Arinal, R. (2021). Selection of vocational education of students with learning disabilities in Malaysia: Students, parents and teachers' perspectives. *International Journal of Indonesian Education and Teaching*, 5(2), 168–175.
3. So Yeon, K., Soo Jung, K., Catharine, L. & Emily, G. (2021). Teaching academic skills to people with intellectual and development disability. *Adaptive Behavior Strategies for Individuals with Intellectual and Development Disabilities*, 103–135.

SAMBUTAN BULAN OKU UiTM: CAKNA OKU

"WEBINAR MENANGANI STRES DAN DEPRESI: APA KATA PAKAR?"

Tarikh & Masa

- Tarikh: 26 Disember 2024 (Khamis)
Masa: 9:00 – 11:00 pagi
Platform: YouTube Chanel U-DServeD:
<https://tinyurl.com/Menangani-Stres-dan-Depresi>
- Penceramah
Dr. Rozanizam Zakaria, Pakar Psikiatri USM Kubang Kerian, Kelantan dan Pensyarah di Kuliyyah Perubatan UIA, Bandar Indera Mahkota, Pahang
- Jurubahasa Isyarat
Abby Tan
- Moderator
Sr Dr. Roslina Idris, Koordinator Staf OKU dan Staf ada Tanggungan OKU, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Anjuran
Bahagian Perkhidmatan & Pembangunan OKU UiTM Shah Alam dengan kerjasama U-DServeD UiTM Terengganu



Poster Program

Latar Belakang

Pada 26 Disember 2024, satu webinar bertajuk "Menangani Stres dan Depresi: Apa Kata Pakar?" telah diadakan untuk membincangkan isu kesihatan mental yang semakin mendapat perhatian, khususnya mengenai stres dan depresi dalam kalangan masyarakat. Webinar ini dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan & Pembangunan OKU UiTM Shah Alam dengan kerjasama U-DServeD UiTM Terengganu. Acara ini disiarkan secara langsung melalui platform YouTube.

Objektif Webinar

Webinar ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang stres dan depresi, serta cara-cara yang boleh diambil untuk menangani kedua-dua masalah kesihatan mental tersebut. Ia juga bertujuan untuk memberikan sokongan kepada individu yang berhadapan dengan cabaran mental, terutamanya dalam kalangan staf dan mahasiswa yang terlibat dalam komuniti OKU dan staf yang mempunyai tanggungan OKU di UiTM dan warga luar UiTM pada amnya.

Penceramah Utama: Dr. Rozanizam Zakaria

Dr. Rozanizam Zakaria, seorang pakar psikiatri yang berpengalaman, telah dijemput untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran beliau mengenai stres dan depresi. Dr. pakar perubatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang psikiatri terutama dikalangan remaja dan kanak-kanak dan juga seorang pensyarah di Kulliyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang. Beliau banyak menulis buku tentang solusi stress, perkembangan anak-anak istimewa dan mendidik serta mengasuh anak-anak terutamanya anak Istimewa. Beliau juga memberikan penjelasan terperinci mengenai faktor-faktor penyebab stres dan depresi, simptom-simptom yang perlu diwaspadai, serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil untuk menangani masalah kesihatan mental ini.



Team yang mengendalikan teknikal di studio U-DServeD

Jurubahasa Isyarat: Abby Tan

Untuk memastikan maklumat yang disampaikan dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat, sesi webinar ini turut dibekalkan dengan jurubahasa isyarat, Abby Tan. Keberadaan jurubahasa isyarat ini amat penting, terutamanya untuk memberi kemudahan akses kepada mereka yang mempunyai masalah pendengaran, memastikan semua peserta dapat mengikuti sesi tanpa halangan.

Moderator: Sr Dr. Roslina Idris

Moderator: Sr Dr. Roslina Idris

Moderator untuk sesi ini adalah Sr Dr. Roslina Idris, seorang koordinator yang berpengalaman dalam pengurusan staf OKU dan staf yang mempunyai tanggungan OKU di UiTM. Sebagai moderator, beliau memimpin sesi dengan penuh profesionalisme, memastikan setiap persoalan dan isu yang dibincangkan mendapat perhatian yang sewajarnya dan membantu peserta dalam mendapatkan jawapan yang mereka perlukan.

Topik Utama yang Dibincangkan:


- **Pengenalan kepada Stres dan Depresi**
Dr. Rozanizam menjelaskan apa itu stres dan depresi, termasuk faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kesihatan mental individu.
- **Simptom Stres dan Depresi**
Peserta diberikan panduan mengenai simptom-simptom yang perlu diperhatikan untuk mengesan stres dan depresi dalam diri sendiri atau orang lain.
- **Strategi Menguruskan Stres dan Depresi**
Dr. Rozanizam turut berkongsi teknik-teknik pengurusan stres seperti meditasi, kaunseling, serta rawatan perubatan yang mungkin diperlukan.
- **Sokongan untuk OKU dan Keluarga OKU**
Sr Dr. Roslina Idris berkongsi informasi tentang sokongan yang disediakan untuk komuniti OKU, serta bagaimana orang di sekeliling mereka dapat memberi bantuan dalam menangani isu kesihatan mental ini.

Penyertaan dan Akses

Webinar ini dibuka kepada semua staf dan mahasiswa/mahasiswa OKU UiTM, serta masyarakat umum yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang isu kesihatan mental. Dengan menggunakan platform YouTube, webinar ini dapat diakses dengan mudah oleh sesiapa sahaja tanpa halangan.



Antara soalan yang diajukan kepada penceramah



774 peserta/penonton ketika bersiaran secara online/offline

Penutup

